

---

**BAB 7 PERLEMBAGAAN****BAHAGIAN A - AM****7.01 Pengenalan**

Bahagian B hingga N Bab ini menggariskan mengenai peruntukan yang pemohon atau perbadanan tersenarai mesti pastikan terkandung dalam perlembagaannya.

**BAHAGIAN B - TAKRIF****7.02 Takrif**

Bagi maksud Bab ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "**syarikat**" bererti suatu syarikat yang memohon penyenaian dalam Senarai Rasmi atau perbadanan tersenarai.

**BAHAGIAN C – MODAL****7.03 [Dipotong]****7.04 [Dipotong]****7.05 [Dipotong]****7.06 [Dipotong]****7.07 Modal yang dibayar mendahului panggilan ke atas syer**

Modal yang dibayar mendahului panggilan ke atas syer, walaupun dikenakan bayaran faedah, tidak boleh memberikan hak untuk mengambil bahagian dalam keuntungan.

**7.08 Terbitan syer baharu kepada anggota**

Tertakluk kepada apa-apa arahan sebaliknya yang diberikan oleh syarikat dalam mesyuarat agung, semua syer baharu atau sekuriti boleh ubah lain hendaklah, sebelum diterbitkan, ditawarkan kepada orang yang pada tarikh tawaran itu berhak untuk menerima notis daripada syarikat mengenai mesyuarat agung mengikut perkadaran yang paling hampir yang dibenarkan mengikut hal keadaan, dengan amaun syer atau sekuriti sedia ada yang mereka berhak. Tawaran itu hendaklah dibuat melalui notis dengan menyatakan bilangan syer atau sekuriti yang ditawarkan, dan menghadkan tempoh yang tawaran itu, jika tidak diterima, akan disifatkan sebagai ditolak, dan, selepas tamat tempoh itu, atau apabila menerima tanda-tanda daripada orang yang kepadanya tawaran itu dibuat bahawa dia menolak untuk menerima syer atau sekuriti yang ditawarkan, pengarah boleh melupuskan syer atau sekuriti itu mengikut cara yang pada pendapat mereka paling berfaedah kepada syarikat. Pengarah boleh dengan cara yang sama juga melupuskan mana-mana syer atau sekuriti baharu yang (disebabkan nisbah syer atau sekuriti baharu itu dengan syer atau sekuriti yang dipegang oleh orang yang berhak kepada suatu tawaran syer atau sekuriti baharu itu) tidak boleh, pada pendapat pengarah itu, ditawarkan dengan mudah di bawah perlembagaan ini.

**BAHAGIAN D – PERLUCUTAN HAK DAN LIEN****7.09 Lien syarikat terhadap syer dan dividen**

Lien syarikat terhadap syer dan dividen dari semasa ke semasa yang diisytiharkan berkenaan dengan syer tersebut adalah dihadkan kepada -

- 
- (a) panggilan dan ansuran belum dibayar pada syer tertentu berkenaan dengan wang tersebut yang perlu dan belum dibayar;
  - (b) jika syer telah diperoleh di bawah skim opsyen saham pekerja, jumlah yang terhutang kepada syarikat untuk memperolehnya; dan
  - (c) jumlah yang syarikat dikehendaki oleh undang-undang untuk bayar, dan telah dibayar, berkenaan dengan syer pemegang atau bekas pemegang yang telah meninggal dunia.

Dalam setiap kes, lien merangkumi faedah dan perbelanjaan munasabah yang ditanggung kerana jumlah tidak dibayar.

#### **7.10 Penjualan syer dilucut hak**

Sekiranya mana-mana syer yang dilucut hak dan dijual, sebarang sisa setelah penyelesaian panggilan dan faedah yang diakru dan perbelanjaan belum dibayar, hendaklah dibayar kepada orang yang syernya telah dilucut hak, atau wasinya, pentadbir atau pemegang serah hak atau sebagaimana yang diarah olehnya.

### **BAHAGIAN E – PINDAHAN DAN PENGHANTARAN**

#### **7.11 Pindahan sekuriti**

Pindahan mana-mana sekuriti tersenarai atau kelas sekuriti tersenarai syarikat, hendaklah dengan cara catatan buku oleh Depositori selaras dengan Kaedah-Kaedah Depositori dan, walau apa pun seksyen 105, 106 atau 110 Akta Syarikat, tetapi tertakluk kepada seksyen 148(2) Akta Syarikat dan apa-apa pengecualian yang boleh dibuat dari pematuhan dengan seksyen 148(1) Syarikat, syarikat hendaklah terhalang dari mendaftarkan dan melakukan sebarang pindahan sekuriti tersenarai.

#### **7.12 Penghantaran sekuriti**

Jika -

- (a) sekuriti syarikat disenaraikan di bursa saham lain; dan
- (b) syarikat tersebut adalah dikecualikan dari pematuhan dengan seksyen 14 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 atau seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998, dalam kes yang berkenaan, di bawah Kaedah Depositori berkenaan dengan sekuriti tersebut,

syarikat tersebut hendaklah, atas permintaan pemegang sekuriti, membenarkan penghantaran sekuriti yang dipegang oleh pemegang sekuriti tersebut dari daftar pemegang yang diselenggarakan oleh pendaftar syarikat di dalam bidang kuasa bursa saham lain, ke daftar pemegang yang diselenggarakan oleh pendaftar syarikat di Malaysia dan begitu juga sebaliknya dengan syarat bahawa tidak akan ada perubahan dalam pemilikan sekuriti tersebut.

### **BAHAGIAN F – PENGUBAHSUAIAN HAK**

#### **7.13 [Dipotong]**

---

**BAHAGIAN G – PINJAMAN****7.14 Skop kuasa pinjaman pengarah**

Skop kuasa pinjaman lembaga pengarah hendaklah dinyatakan.

**BAHAGIAN H – MESYUARAT****7.15 Notis mesyuarat**

Notis untuk mengadakan mesyuarat hendaklah menentukan tempat, hari dan waktu mesyuarat, dan hendaklah diberikan kepada semua pemegang syer sekurang-kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat atau sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat jika ada apa-apa ketetapan khas akan dicadangkan atau jika ia mesyuarat agung tahunan. Apa-apa notis mesyuarat yang dipanggil untuk mempertimbangkan urusan khas hendaklah disertakan dengan satu pernyataan mengenai kesan dari mana-mana ketetapan yang dicadangkan berkenaan urusan khas tersebut. Sekurang-kurangnya notis 14 hari atau notis 21 hari jika dalam kes di mana apa-apa ketetapan khas dicadangkan atau jika ia adalah mesyuarat agung tahunan, setiap mesyuarat tersebut hendaklah diberikan melalui pengiklanan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian Bahasa Malaysia atau Inggeris edaran nasional dan secara bertulis kepada setiap bursa saham di mana syarikat itu disenaraikan.

**7.16 Rekod Pendeposit**

- (1) Syarikat hendaklah meminta Depositori selaras dengan Kaedah Depositori, untuk menerbitkan Rekod Pendeposit yang akan diberikan notis mesyuarat agung oleh syarikat.
- (2) Syarikat juga hendaklah meminta Depositori selaras dengan Kaedah-Kaedah Depositori, untuk menerbitkan Rekod Pendeposit, pada tarikh terakhir yang boleh dipraktik secara munasabah yang dalam hal apa pun hendaklah tidak kurang daripada 3 hari pasaran sebelum mesyuarat agung ("**Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung**").
- (3) Tertakluk kepada Peraturan Industri Sekuriti (Depositori Pusat) (Pemilikan Asing) 1996 (jika ada), pendeposit tidak akan dianggap sebagai anggota yang berhak untuk menghadiri mana-mana mesyuarat agung dan untuk bersuara dan mengundi melainkan namanya tertera di Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung.

**BAHAGIAN I – MENGUNDI DAN PROKSI****7.17 Hak mengundi anggota**

Tertakluk kepada Kaedah 7.16 di atas, anggota syarikat hendaklah berhak untuk menghadiri dan untuk mengundi di mana-mana mesyuarat agung berkaitan dengan mana-mana syer atau syer-syer pada mana semua panggilan yang terhutang kepada syarikat telah dibayar.

**7.18 Hak mengundi dengan menunjukkan tangan**

Mengenai ketetapan yang akan diputuskan dengan menunjukkan tangan, setiap pemegang satu syer biasa, dan setiap pemegang satu syer keutamaan yang berhak untuk mengundi, berhak kepada 1 undi.

**7.19 Hak mengundi proksi**

Seorang proksi berhak mengundi dengan menunjukkan tangan ke atas apa-apa persoalan dalam mana-mana mesyuarat agung.

**7.20 [Dipotong]**

**7.21 Pelantikan berbilang proksi**

- (1) Jika anggota syarikat adalah penama berkuasa dikecualikan yang memegang syer biasa di dalam syarikat untuk berbilang pemunya benefisial dalam satu akaun sekuriti ("**akaun omnibus**"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama berkuasa dikecualikan berkenaan setiap akaun omnibus yang ia pegang.
- (2) Penama berkuasa dikecualikan merujuk kepada penama yang diberi kuasa yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA") dikecualikan dari pematuhan dengan peruntukan subseksyen 25A (1) SICDA.

**7.21A [Dipotong]****BAHAGIAN J – PARA PENGARAH****7.22 Kuasa para pengarah untuk mengisi kekosongan biasa dan melantik pengarah tambahan**

Jika peruntukan dibuat untuk para pengarah melantik seseorang sebagai pengarah sama ada untuk mengisi kekosongan sambilan, atau sebagai tambahan kepada lembaga pengarah, mana-mana pengarah yang dilantik hendaklah memegang jawatan hanya sehingga mesyuarat agung tahunan syarikat dan kemudian akan layak untuk dipilih semula.

**7.23 Saraan pengarah**

Fi yang perlu dibayar kepada pengarah bukan eksekutif hendaklah dengan satu jumlah tetap, dan bukan dengan komisen atau peratusan dari keuntungan atau perolehan. Gaji yang perlu dibayar kepada pengarah eksekutif boleh tidak termasuk komisen atau peratusan dari perolehan.

**7.24 Kelulusan pemegang syer tahunan untuk fi dan manfaat pengarah**

Fi para pengarah, dan apa-apa manfaat perlu dibayar kepada para pengarah hendaklah tertakluk kepada kelulusan pemegang syer di mesyuarat agung tahunan.

**7.25 Kepentingan pengarah dalam kontrak**

Pengarah hendaklah tidak mengundi berkenaan mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau pengaturan di mana dia mempunyai kepentingan, secara langsung atau tidak langsung.

**7.26 Pemilihan para pengarah**

- (1) Pemilihan para pengarah hendaklah dilakukan setiap tahun.
- (2) Semua pengarah hendaklah bersara dari jawatan sekurang-kurangnya sekali dalam 3 tahun, tetapi hendaklah menjadi berkelayakan untuk dipilih semula.

**7.27 [Dipotong]**

**7.28 Notis Hasrat untuk melantik pengarah**

Tiada seorang pun, yang bukan seorang pengarah yang akan bersara, berkecualan untuk pemilihan untuk jawatan pengarah di mana-mana mesyuarat agung melainkan anggota yang berhasrat untuk mencalonkan beliau untuk pemilihan telah, sekurang-kurangnya 11 hari cerah sebelum mesyuarat itu, meletakkan di pejabat berdaftar syarikat, satu notis bertulis yang ditandatangani oleh penama, memberikan persetujuannya kepada pencalonan itu dan menandakan pencalonannya untuk jawatan itu, atau hasrat anggota tersebut untuk mencalonkannya untuk pemilihan, dengan syarat bahawa dalam kes seorang yang disyorkan oleh para pengarah untuk pemilihan, notis 9 hari jelas diperlukan, dan notis setiap pencalonan untuk pemilihan kepada lembaga pengarah hendaklah disampaikan kepada pemegang syer yang berdaftar sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat di mana pemilihan akan diadakan.

**7.29 Kuasa pengarah urusan**

Pengarah urusan atau orang yang menjalankan fungsi pengarah urusan, dengan apa jua nama yang disebut, hendaklah tertakluk kepada kawalan lembaga pengarah.

**7.30 Prosiding dalam hal kekosongan**

Pengarah yang tinggal boleh terus bertindak walau apa pun kekosongan di badan mereka, tetapi jika dan selagi bilangan mereka dikurangkan di bawah bilangan minimum yang ditetapkan oleh atau menurut perlembagaan syarikat, pengarah yang tinggal boleh, kecuali dalam keadaan satu kecemasan, bertindak hanya untuk tujuan meningkatkan bilangan pengarah ke bilangan minimum tersebut, atau untuk memanggil mesyuarat agung syarikat.

**7.31 Pelantikan pengarah pengganti**

Pengarah boleh melantik seorang untuk bertindak sebagai penggantinya dengan syarat -

- (a) orang tersebut bukan pengarah syarikat itu;
- (b) orang tersebut tidak bertindak sebagai pengganti untuk lebih dari satu pengarah syarikat;
- (c) pelantikan itu diluluskan oleh majoriti anggota Lembaga lain; dan
- (d) apa-apa fi dibayar oleh syarikat kepada pengganti akan ditolak dari saraan pengarah itu.

**7.32 Undi pemutus pengerusi**

Pengerusi mesyuarat lembaga hendaklah tidak mempunyai undi pemutus, jika -

- (a) 2 pengarah membentuk kuorum dan hanya korum ini yang hadir dalam mesyuarat; atau
- (b) hanya 2 pengarah yang kompeten untuk mengundi mengenai isu soalan.

**BAHAGIAN K – AKAUN****7.33 [Dipotong]**

---

**BAHAGIAN L – PEMBUBARAN****7.34 Pengagihan aset**

Asas pada mana para pemegang syer akan mengambil bahagian dalam pengagihan aset terhadap pembubaran hendaklah dinyatakan.

**7.35 [Dipotong]****BAHAGIAN M – KESAN DARI KEHENDAK-KEHENDAK INI****7.36 Kesan Kehendak-kehendak Penyenaraian**

- (1) Walau apa pun yang terkandung dalam perlembagaan ini, jika Kehendak-kehendak Penyenaraian melarang suatu tindakan dilakukan, tindakan tersebut tidak boleh dilakukan.
- (2) Tidak ada apa pun yang terkandung dalam perlembagaan ini yang menghalang suatu tindakan dilakukan yang Kehendak-kehendak Penyenaraian menghendaki untuk dilakukan.
- (3) Jika Kehendak-kehendak Penyenaraian menghendaki suatu tindakan dilakukan atau tidak dilakukan, kuasa diberikan untuk tindakan tersebut dilakukan atau tidak dilakukan (dalam kes yang berkenaan).
- (4) Jika Kehendak-kehendak Penyenaraian menghendaki perlembagaan ini untuk mengandungi suatu peruntukan dan ia tidak mengandungi peruntukan tersebut, perlembagaan ini dianggap mengandungi peruntukan tersebut.
- (5) Jika Kehendak-kehendak Penyenaraian menghendaki perlembagaan ini untuk tidak mengandungi suatu peruntukan dan ia mengandungi peruntukan tersebut, perlembagaan ini dianggap tidak mengandungi peruntukan tersebut.
- (6) Jika mana-mana peruntukan dalam perlembagaan ini adalah atau menjadi tidak sesuai dengan Kehendak-kehendak Penyenaraian, perlembagaan ini dianggap tidak mengandungi peruntukan tersebut setakat mana ia tidak bersesuaian.
- (7) Bagi maksud perlembagaan ini, melainkan konteksnya menghendaki yang lain, "**Kehendak-kehendak Penyenaraian**" ertinya Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad termasuk mana-mana pindaan kepada Kehendak-kehendak Penyenaraian yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN N – PINDAAN KEPADA BAB INI****7.37 Pindaan kepada Bab ini**

Jika apa-apa pindaan dibuat oleh Bursa kepada peruntukan Bab ini, syarikat mesti membuat pindaan yang sepadan kepada perlembagaannya untuk mencerminkan pindaan tersebut melainkan perlembagaannya termasuk peruntukan dalam Kaedah 7.36 atau yang setara dengannya.

[ Bab tamat ]